2.	<p>AMR 60104 METODOLOGI PENYELIDIKAN DALAM PENGKARYAAN KREATIF DAN PERSEMBAHAN/ Kursus ini menekankan aspek teori dan kemahiran dalam menjalankan metodologi penyelidikan bagi pengkaryaan kreatif dan persembahan. Metodologi penyelidikan ini menjurus kepada proses kreatif dalam penghasilan karya kreatif/persembahan termasuk aspek kreativiti, artistik, estetika, pemikiran kritis dan teknologi sebagai pendekatan utama. Pelajar berpeluang melakukan proses refleksi terhadap idea, konsep atau teori yang berkaitan dalam konteks penulisan dan pengkaryaan kreatif/persembahan. Di akhir kursus ini pelajar akan menghasilkan sebuah proposal penyelidikan yang komprehensif.</p>	4
3.	<p>ARU6014 KAEDAH PENYELIDIKAN KUALITATIF Kursus ini merangkumi prinsip-prinsip asas penyelidikan kualitatif, jenis-jenis kaedah mengumpul data, aspek-aspek dalam menginterpretasi fenomena budaya, berkomunikasi dengan responden, mengumpul data, menganalisis dan membina makna daripada data, dan proses menyediakan laporan.</p>	4
4.	<p>ARU60104 KAEDAH PENYELIDIKAN KUALITATIF Kursus ini merangkumi prinsip-prinsip asas penyelidikan kualitatif dalam pendidikan muzik yang merangkumi reka bentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data, analisis dan interpretasi data. Pelajar dikehendaki menyediakan satu proposal kualitatif lengkap.</p>	4
5.	<p>ARU6024 KAEDAH PENYELIDIKAN KUANTITATIF Kursus ini merangkumi pelbagai jenis kaedah penyelidikan kuantitatif dan teknik statistik. Topik dalam kaedah penyelidikan meliputi: analisis data primer dan sekunder, pensampelan, rekabentuk tinjauan, dan rekabentuk ujikaji. Topik dalam teknik kuantitatif: statistik deskriptif dan inferensial, model linear, dan model tak linear.</p>	4
6.	<p>ARU60204 KAEDAH PENYELIDIKAN KUANTITATIF Kursus ini merangkumi prinsip-prinsip asas penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan muzik yang merangkumi reka bentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data, analisis dan interpretasi data. Pelajar dikehendaki menyediakan satu proposal kuantitatif lengkap.</p>	4
7.	<p>AMR60134 KAJIAN PENDEKATAN DALAM PENDIDIKAN MUZIK Kursus ini meliputi kajian dan perbandingan pelbagai pendekatan pendidikan muzik. Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek falsafah, prinsip, ciri-ciri dan kaedah yang melibatkan teori dan amali serta aplikasinya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik. Kursus ini bertujuan untuk membentuk dan memperkukuhkan lagi pendidik muzik yang lebih kreatif, efektif dan inovatif.</p>	4

8.	AML60104 INSTRUKSIONAL MEDIA DIGITAL DAN TEKNOLOGI MUZIK Kursus ini fokus kepada prinsip dan teknik-teknik pembinaan instruksi Pendidikan Muzik menggunakan media digital menerusi gabungan beberapa unsur media termasuk video, audio, text, dan grafik. Kandungan dan kaedah penggunaan terkini dalam teknologi instruksi muzik turut di analisa	4
9.	AMU60104 KAJIAN PENTAKSIRAN DALAM PENDIDIKAN MUZIK Kursus ini meliputi perancangan siku, implementasi dan penilaian dan intepretasi data dalam pembelajaran muzik. Ini merangkumi statistik deskriptif, ujian muzik yang standard, kebolehppercayaan dan kesahan serta etika. Penilaian termasuk perlakuan muzik, aptitud muzik, sikap dan pencapaian, objektif perlakuan, pembinaan item ujian, interpretasi data dan implikasi.	4
10.	AME60104 KAJIAN MUZIK POPULAR Kursus ini mengkaji teori dan sejarah Muzik Popular dan bagaimana ia mempengaruhi muzik tempatan serta impaknya terhadap kurikulum muzik. Pelajar akan meneroka Muzik Popular dari aspek muzikal, sosial, budaya, ekonomi, ideologi politik, perkembangan media serta teknologi.	4
11.	AME60204 KAJIAN PENDIDIKAN MUZIK PELBAGAI BUDAYA Kursus ini memfokuskan kepada Pendidikan Muzik yang melibatkan pengajaran muzik daripada pelbagai budaya serta mengajar pelajar dari pelbagai latarbelakang budaya dan kaum. Tumpuan akan diberikan terhadap kajian tentang sejarah pelbagai budaya, kepelbagaian pendidikan dan strategi pengajaran serta pendekatan dalam pendidikan berasaskan estetika muzik dari pelbagai budaya melalui kajian yang menghubungkan tiga bidang yang saling berkaitan iaitu pendidikan muzik, etnomuzikologi dan pendidikan pelbagai budaya.	4
12.	AME60304 KAJIAN MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA Kursus ini berfokus kepada kajian tentang pelbagai jenis muzik klasik, rakyat dan hibrid dari pelbagai etnik dan kaum di Malaysia. Kajian tentang sejarah perkembangan, pengaruh, fungsi, tokoh, identiti dan elemen muzik yang membentuk pelbagai jenis muzik tradisional di Malaysia dijalankan melalui tinjauan literatur, kerja lapangan dan diskusi ilmiah. Pelajar juga berpeluang membincangkan bagaimana untuk mensintesis elemen muzik tradisional Malaysia ke dalam kurikulum pendidikan muzik formal di Malaysia.	4
13.	AME60404 PENGURUSAN DAN KEJURULATIHAN ENSEMBEL INSTRUMENTAL Kursus ini menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar meningkatkan kompetensi dan keyakinan bagi berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mengurus, mengelola dan melatih ensemble muzik di institusi pendidikan formal. Pelajar berpeluang mengaplikasi pengetahuan, kemahiran, pendekatan serta amalan terbaik dalam pelbagai aspek pengurusan dan pengajaran ensemble instrumental.	4
14.	AME60504 PEDAGOGI VOKAL Kursus ini meliputi topik penting dalam kaedah maju paduan suara untuk sekolah menengah. Asas falsafah pendidikan muzik paduan suara adalah berkaitan dengan kaedah dan aspek praktikal perancangan, pengambilan, pengurusan dan pembangunan program paduan suara. Ilmu dan amalan dalam pembangunan vokal, nafas, panas-up, penglihatan-menyanyi, IPA, menjalankan dari hari pertama kelas untuk persembahan prestasi penuh dilindungi.	4
15	AME60604 PEDAGOGI INSTRUMENTAL Kursus ini merangkumi perancangan, pembangunan dan arahan sikuential dalam pengajaran instrumental. Pemahaman yang menyeluruh tentang alat, teknik permainan dan pendekatan pengajaran, serta teknik penilaian untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran. Pelajar juga didedahkan dengan persediaan vokasional dengan kemahiran perniagaan.	4

16.	AME60704 PENDIDIKAN MUZIK VIRTUAL Kursus ini mendedahkan pelajar kepada elemen dan prinsip pendidikan muzik virtual terkini. Pembelajaran ditumpukan kepada teori dan amali yang berkaitan dengan pendidikan muzik virtual yang diamalkan di serata dunia dan pengaplikasian dalam konteks pendidikan muzik virtual setempat. Pelajar berpeluang untuk membuat analisis kekuatan dan kelemahan platform pendidikan muzik virtual yang sedia ada. Pelajar juga didedahkan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran secara virtual dan penggunaan aplikasi secara dalam talian. Pelajar juga perlu menghasilkan satu topik pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik secara virtual serta melakukan refleksi terhadap proses yang telah dijalankan	4
17.	AME60804 TOPIK KHAS DALAM PENDIDIKAN MUZIK Kursus ini dikelolakan oleh Pensyarah dan mengandungi renj topik yang relevan kepada pendidikan muzik yang dikaitkan dengan topik seperti persembahan, penyelidikan dan pengajaran. Contohnya ialah Komposisi Kontemporari, Muzik Melayu Tradisional dan lain-lain.	4

KURSUS LAPORAN PROJEK, DISERTASI, TESIS






Bil.	Kod, Nama Kursus & Sinopsis	Kredit
1.	APM59908 KERTAS PROJEK (MOD C) Kursus ini memerlukan pelajar menjalankan satu (1) projek yang berkaitan dengan bidang pengkhususan serta menyediakan laporan berdasarkan projek tersebut dalam tempoh tidak melebihi dua (2) semester. Panjang Laporan Projek tersebut adalah tidak melebihi 20,000 patah perkataan.	8
2.	APM59920 DISERTASI (MOD B) Kursus ini memerlukan pelajar menjalankan satu (1) penyelidikan yang berkaitan dengan bidang pengkhususan serta menyediakan laporan berdasarkan penyelidikan tersebut. Pelajar perlu membuat pembentangan proposal dan pembentangan akhir penyelidikan tersebut. Panjang penulisan Disertasi tersebut hendaklah tidak melebihi 40,000 patah perkataan.	20
3.	APM59940 TESIS Kursus ini memerlukan pelajar menjalankan satu (1) penyelidikan yang berkaitan dengan bidang pengkhususan serta menyediakan laporan berdasarkan penyelidikan tersebut. Pelajar perlu membuat pembentangan proposal dan pembentangan akhir penyelidikan tersebut. Panjang penulisan Tesis tersebut adalah tidak melebihi 60,000 patah perkataan.	40

JABATAN SENI PERSEMBAHAN

KAKITANGAN AKADEMIK JABATAN SENI PERSEMBAHAN

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
1		Ketua Jabatan Seni Persembahan Dr. Leng Poh Gee	05-450 6743 lengpohgee@fmisp.upsi.edu.my
2		Dr. Muhammad Fazli Taib bin Saearani Pensyarah	05-450 5515 fazli@fmisp.upsi.edu.my
3		Dr. Lena Farida binti Hussain Chin Pensyarah	05-450 5886 lena.farida@fmisp.upsi.edu.my
4		Dr. Muhammad Faisal bin Ahmad Pensyarah	05-4506000 mfaisal@fmisp.upsi.edu.my
5		Dr. Salman bin Alfarisi Pensyarah	05-450 6755 salman@fmisp.upsi.edu.my
6		Dr. Sumathi a/p Maniam Pensyarah	05-4505909 sumathi.maniam@fmisp.upsi.edu.my
7		Dr. Fara Dayana binti Mohd Jufry Pensyarah	05-450 6752 faradayana@fmisp.upsi.edu.my
8		Dr. Patricia Ann Hardwick Pensyarah	05-450 6738 phardwick@fmisp.upsi.edu.my

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
9\		Dr. Nor Shuradi bin Hj. Nor Hashim Pensyarah	05-450 6000 shuradi@fmsp.upsi.edu.my
10		Dr. Nurulakmal binti Abdul Wahid Pensyarah	05-450 5304 nurulakmal@fmsp.upsi.edu.my
11		Dr. Mardiana binti Ismail Pensyarah	05-450 6000 mardiana.ismail@fmsp.upsi.edu.my
12		Encik Zolkipli bin Abdullah Pensyarah	05-450 6715 zolkipli@fmsp.upsi.edu.my
13		Encik Abdul Hamid bin Chan Pensyarah	05-450 6756 hamid.chan@fmsp.upsi.edu.my
14		Puan Nur Nabila binti Micheal Luang Abdullah Pensyarah	05-450 6762 mnurnabila@fmsp.upsi.edu.my
15		Encik Hafzan Zannie bin Hamza Pensyarah	05-450 6788 hafzan@fmsp.upsi.edu.my

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
16		Encik Naquiddin binTajul Ariffin Pensyarah	05-450 6000 naque.ariffin@fmsp.upsi.edu.my
17		Encik Raziman bin Sarbini Pensyarah	05-450 6000 raziman@fmsp.upsi.edu.my
18		Encik Amsalib bin Pisali Pensyarah	05-4506000 amsalib@fmsp.upsi.edu.my
19		Encik Mohd Fauzi bin Amirudin Pensyarah	05-450 6000 mohd.fauzi@fmsp.upsi.edu.my
20		Cik Mak Foong Ming Cuti Belajar	05-450 6000 fming@fmsp.upsi.edu.my

SYARAT-SYARAT KHAS KEMASUKAN

No.	Program	Field	Special Requirements	Special Requirements
1	Sarjana Sastera (Master of Arts)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kajian Persembahan MT174 (Performance Studies) ➤ Pengajian Tari MT180 (Dance studies) ➤ Teater dalam Pendidikan MT181 (Theatre in Education) 	<p><u>Calon Tempatan dan Antarabangsa</u></p> <p>Calon dikehendaki mengemukakan rakaman video dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu yang mengandungi perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Memperkenalkan diri. ii. Latar belakang dalam bidang Seni persembahan. iii. Menghuraikan tentang penyelidikan yang bakal dijalankan. <p><u>Spesifikasi tenikal video adalah:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Video perlu berdurasi 15 minit minimum. ii. Video perlu dimulakan dengan paparan nama calon, emel dan nombor telefon untuk dihubungi. iii. Format video adalah MP4. iv. Video perlu bersaiz 1280 X 720 (16:9) <p><u>Penghantaran Video</u> Rakaman video perlu dihantar ke alamat emel info@fmstp.upsi.edu.my</p>	<p><u>Local and International Candidates</u></p> <p><i>Candidates are required to submit a video recording in English or Malay consisting of the followings:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>i. Self Introduction</i> <i>ii. Background (experience) in the field of Performing Arts.</i> <i>iii. Description of the research to be conducted.</i> <p><i>Technical specifications for the video:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>i. The video must be a minimum of 15 minutes.</i> <i>ii. The video should begin with a display of the candidate's name, email and contact number.</i> <i>iii. The format for the video is MP4.</i> <i>iv. The recommended width and height for the video is 1280 X 720 with 16:9 aspect ratios</i> <p><u>Video submission</u> The video recordings must be sent to the official email address at info@fmstp.upsi.edu.my</p>
2	Sarjana Pengajian Persembahan (Master of Performance studies)	Pengajian Persembahan MT183 (Performance Studies)		
3	Doktor Falsafah (Doctor of Philosophy)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Teater dan Drama PT160 (Theatre and Drama) ➤ Pengajian Tari PT180 (Dance Studies) 		

**STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN
Doktor Falsafah**

No.	Program	Kod	Kursus	Kredit	Mod	Tempoh
Jabatan Pengajian Persembahan						
1.	Teater dan Drama	PT160	ARD79981 Tesis (Teater dan Drama)	80	Penyelidikan	Sepenuh Masa: 4 Semester
			AAR60104 Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)			
2.	Pengajian Tari	PT180	ADS79981 Tesis (Pengajian Tari)	80		Separuh Masa: 6 Semester
			AAR60104 Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)			

PROGRAM DOKTOR FALSAFAH (TEATER DAN DRAMA)

Cadangan Struktur Pengajian Mengikut Semester

Semester 1			Semester 2		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ARD79981	Tesis (Teater Dan Drama)	80	ARD79981	Tesis (Teater Dan Drama) (Sedang Maju)	80
AAR60104	Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)				
Jumlah		80	Jumlah		80
Semester 3			Semester 4		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ARD79981	Tesis (Teater Dan Drama) (Sedang Maju)	80	ARD79981	Tesis (Teater Dan Drama)	80
Jumlah		80	Jumlah		80

PROGRAM DOKTOR FALSAFAH (PENGAJIAN TARI)

Cadangan Struktur Pengajian Mengikut Semester

Semester 1			Semester 2		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ADS79981	Tesis (Pengajian Tari)	80	ADS79981	Tesis (Pengajian Tari) (Sedang Maju)	80
AAR60104	Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)				
Jumlah		80	Jumlah		80
Semester 3			Semester 4		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ADS79981	Tesis (Pengajian Tari) (Sedang Maju)	80	ADS79981	Tesis (Pengajian Tari)	80
Jumlah		80	Jumlah		80

STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN Sarjana

No.	Program	Kod	Kursus	Kredit	Mod	Tempoh
Jabatan Seni Persembahan						
1.	Sarjana Sastera (Kajian Persembahan)	MT174	ATK59941 Tesis (Kajian Persembahan)	40	Penyelidikan	Full Time: 3 Semester Part Time: 4 Semester
			AAR60104 Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)			
2.	Sarjana Sastera (Pengajian Tari)	MT180	ART59941 Tesis (Pengajian Tari)	40		
			AAR60104 Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)			
3.	Sarjana (Teater dalam Pendidikan)	MT181	ATE59940 Tesis (Teater Dalam Pendidikan)	40		
			AAR60104 Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)			
4	Sarjana Pengajian Persembahan	MT183	Kursus Penyelidikan		B (Penyelidikan & Kerja Kursus)	Sepenuh Masa: 3 Semester Separuh Masa: 4 Semester
			AAR60104 Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan	4		
			Kursus Teras			
			AAU60104 Teori dan Konsep dalam Pengajian Persembahan	4		
			AAU60204 Aplikasi Teori Pengajian Persembahan	4		
			AAU60304 Isu dan Cabaran dalam Persembahan Pengajian Persembahan	4		
			Kursus Elektif (Pilih satu (1) sahaja)			
			AAU60404 Warisan Seni Persembahan Asia Tenggara	4		
			AAU60504 Polisi Budaya dan Harta Intelek	4		
			AAU60604 Topik Terpilih dalam Etnomuzikologi	4		
			AAU60704 Seni Persembahan dalam Pengajian Budaya	4		
			AAL60104 Aplikasi Tari dan Teater Tradisional	4		
			AAL60204 Ensemble Muzik Dunia Terpilih	4		

No.	Program	Kod	Kursus	Kredit	Mod	Tempoh
Jabatan Seni Persembahan						
			Kursus Disertasi (Pilih satu (1) sahaja)			
			AAR60220 Disertasi	20		
			AAR60320 Projek Pengajian Persembahan	20		
			Total	40		

PROGRAM SARJANA SASTERA (KAJIAN PERSEMBAHAN)

Cadangan Struktur Pengajian Mengikut Semester

Semester 1			Semester 2		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ATK59941	Tesis (Kajian Persembahan)	40	ATK59941	Tesis (Kajian Persembahan) (Sedang Maju)	40
AAR60104	Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)				
Jumlah		40	Jumlah		40
Semester 3			Semester 4		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ATK59941	Tesis (Kajian Persembahan) (Sedang Maju)	40	ATK59941	Tesis (Kajian Persembahan)	40
Jumlah		40	Jumlah		40

PROGRAM SARJANA SASTERA (PENGAJIAN TARI)

Cadangan Struktur Pengajian Mengikut Semester

Semester 1			Semester 2		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ADS59941	Tesis (Pengajian Tari)	40	ADS59941	Tesis (Pengajian Tari) (Sedang Maju)	40
ADS59941	Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)				
Jumlah		40	Jumlah		40
Semester 3			Semester 4		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ADS59941	Tesis (Pengajian Tari) (Sedang Maju)	40	ADS59941	Tesis (Pengajian Tari)	40
Jumlah		40	Jumlah		40

PROGRAM SARJANA SASTERA (TEATER DALAM PENDIDIKAN)

Cadangan Struktur Pengajian Mengikut Semester

Semester 1			Semester 2		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ATE59940	Tesis (Teater Dalam Pendidikan)	40	ATE59940	Tesis (Teater Dalam Pendidikan) (Sedang Maju)	40
AAR60104	Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan (Kursus Audit)				
Jumlah		40	Jumlah		40
Semester 3			Semester 4		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
ATE59940	Tesis (Teater Dalam Pendidikan) (Sedang Maju)	40	ATE59940	Tesis (Teater Dalam Pendidikan)	40
Jumlah		40	Jumlah		40

PROGRAM SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN

Cadangan Struktur Pengajian Mengikut Semester

Semester 1			Semester 2		
Kod Kursus	Kursus	Kredit	Kod Kursus	Kursus	Kredit
Kursus Penyelidikan			Kursus Teras		
AAR60104	Metodologi Penyelidikan dalam Seni Persembahan	4	AAU60304	Isu dan Cabaran dalam Pengajian Persembahan	4
Kursus Teras			Kursus Elektif (Pilih 1 sahaja)		
AAU60104	Teori dan Konsep dalam Pengajian Persembahan	4	AAU60404	Warisan Seni Persembahan Asia Tenggara	4
AAU60204	Aplikasi Teori Pengajian Persembahan	4	AAU60504	Polisi Budaya dan Harta Intelek	
			AAU60604	Topik Terpilih dalam Ethnomuzikologi	
			AAU60704	Seni Persembahan dalam Pengajian Budaya	
			AAL60104	Aplikasi Tari dan Teater Tradisional	
AAL60204	Ensembel Muzik Dunia Terpilih				
Jumlah		12	Jumlah		8

Semester 3		
Kod Kursus	Kursus	Kredit
AAR60220	*Disertasi	20
AAR60320	*Projek Pengajian Persembahan	
Jumlah		20

* Pelajar boleh memilih salah 1 (1) kursus disertasi selepas mendapat kelulusan daripada penyelia

SINOPSIS KURSUS PROGRAM SARJANA SENI PERSEMBAHAN

Bil.	Kod, Nama Kursus & Sinopsis	Kredit
1	<p>AAR60104 METODOLOGI PENYELIDIKAN DALAM SENI PERSEMBAHAN</p> <p>Kursus ini menekankan pengetahuan teori dan kemahiran dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang seni persembahan. Metodologi penyelidikan seperti proses temubual, pemerhatian turut serta, organisasi dan arkib data, teknologi rakaman, analisis dan interpretasi data akan dibincangkan. Latihan amali dalam penyelidikan lapangan memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami proses dan menangani isu-isu dalam kerja lapangan. Kursus ini juga menekankan kesedaran etika dan budaya, kemahiran berkomunikasi, sifat hormat-menghormati dan kepekaan kepada budaya yang berbeza.</p>	4
2	<p>AAU60104 TEORI DAN KONSEP DALAM PENGAJIAN PERSEMBAHAN</p> <p>Kursus ini melengkapkan calon dengan pengetahuan dan kemahiran dalam teori persembahan dan kajian persembahan. Ia menerapkan pemahaman tentang ruang lingkup bidang kajian persembahan dan aplikasi teori persembahan.</p>	4
3	<p>AAU60204 APLIKASI TEORI PENGAJIAN PERSEMBAHAN</p> <p>Kursus ini mengetengahkan pelajar tentang pengaplikasian pengetahuan teori seni persembahan dalam bentuk perbincangan dan penulisan akademik.</p>	4
4	<p>AAU60304 ISU DAN CABARAN DALAM PENGAJIAN PERSEMBAHAN</p> <p>Kursus ini membincangkan isu-isu dan cabaran pengajian persembahan sokongan daripada aspek budaya, politik, ekonomi dan sosial. Pelajar dikehendaki menunjukkan kemahiran pemikiran kritikal dalam mencerminkan, membincang dan mencadangkan penyelesaian isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengajian seni persembahan.</p>	4
5	<p>AAL60104 APLIKASI TARI DAN TEATER TRADISIONAL</p> <p>Kursus ini bertujuan untuk menaksir struktur dan bentuk teater dan tari tradisional melalui penyertaan dalam persembahan. Pelajar mengaplikasikan teori dan konsep teater dan tari tradisional guna serta mensintesiskan isu dalam teater dan tari tradisional guna melalui aktiviti pengkaryaan secara libatsama komuniti pengamal persembahan. Kemahiranadvokasi dalam pengkaryaan melalui libatsama komuniti pengamal persembahan turut dibina.</p>	4
6	<p>AAL60204 ENSEMBLE MUZIK DUNIA TERPILIH</p> <p>Kursus ini memberi peluang pelajar melibatkan diri secara praktik (hands-on) dalam tradisi persembahan muzikal di dunia. Pelajar belajar teknik, artikulasi, melodi dan ornamentasi untuk pelbagai karya muzik dalam tradisi budaya muzik ensemble terpilih. Pelajar juga akan didedahkan kepada pemahaman etika, budaya dan protokol persembahan. Kursus ini menerapkan kemahiran dalam persediaan, organisasi dan pengurusan sebuah persembahan yang baik. Jenis ensemble yang ditawarkan bergantung kepada kepakaran staff fakulti atau pensyarah pelawat yang sedia ada.</p>	4
7	<p>AAU60504 POLISI BUDAYA DAN HARTA INTELEK</p> <p>Kursus teori ini merupakan kemahiran mengaplikasikan teori tentang polisi budaya warisan seni persembahan dan akta harta intelek warisan seni persembahan ke dalam pembelajaran berasaskan pengalaman. Ia bertujuan untuk mewujudkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran kepada ahli akademik tentang polisi budaya warisan seni persembahan dan akta harta intelek dan memperkasakan masyarakat, advokasi dalam seni persembahan, kepimpinan dan kerja berpasukan, keusahawanan, pengurusan dan semangat kerjasama antara ahli akademik dengan pengamal budaya untuk kelestarian seni persembahan.</p>	4
8	<p>AAU60704 SENI PERSEMBAHAN DALAM PENGAJIAN BUDAYA</p> <p>Kursus meneroka pelbagai teori dan konsep dalam Kajian Budaya berkaitan dengan seni persembahan. Calon mensintesis sorotan kesusasteraan dalam Kajian Budaya dalam seni persembahan untuk mengenal pasti jurang penyelidikan dan mengaplikasi teori dan konsep bagi menangani isu-isu semasa. Calon berupa menghasilkan suatu kritikan akademik tentang isu-isu budaya tertentu berkaitan libatsama komuniti dalam seni persembahan.</p>	4

9	<p>AAU60404 WARISAN SENI PERSEMBAHAN ASIA TENGGARA Kursus ini meninjau kajian muzik tradisional, tarian, dan teater dalam Asia Tenggara pada masa kini. Analisis teori dan konsep dalam seni persembahan akan melibatkan isu-isu seperti pelestarian, pedagogi dan dasar kebudayaan. Penerokaan wacana ilmiah termasuk pendekatan antara disiplin berdasarkan analisis kes kajian tertentu. Kursus ini juga mengkaji genre tertentu yang berkaitan sosial, politik, sejarah, dan budaya untuk warisan kebudayaan tidak ketara di Asia Tenggara.</p>	4
10	<p>AAU60604 TOPIK TERPILIH DALAM ETNOMUZIKOLOGI Kursus ini mengkaji perspekif dan halatuju semasa dalam penyelidikan Etnomuzikologi melalui penulisan ilmiah dan media baru. Ia meningkatkan kesedaran mengenai pengaruh isu global dari segi politik, ekonomi dan sosial terhadap <i>soundscape</i> and produksi muzik. Teori dan falsafah dari pendekatan silang-budaya (<i>interdisciplinary</i>) yang mempunyai hubungan rapat dengan <i>soundscape</i> muzikal semasa akan dinilai, dikritik dan mengkaji pengaruh kemajuan teknologi dalam identiti muzikal dan budaya akan dikaji.</p>	4

SINOPSIS KURSUS LAPORAN PROJEK DAN DISERTASI

11	<p>AAR60320 PROJEK PENGAJIAN PERSEMBAHAN Kursus ini memerlukan pelajar menjalankan satu projek persembahan melalui hasil penyelidikan etnografik yang disokong dengan penulisan akademik.</p>	20
12	<p>AAR60220 DISERTASI Pelajar perlu menjalankan satu penyelidikan yang berkaitan dengan bidang pengkhususan melalui kaedah yang bersesuaian. Pelajar perlu menghasilkan sebuah penulisan akademik pada akhir kursus.</p>	20

**GARIS PANDUAN BAGI PROGRAM SARJANA MUZIK PENGKHUSUSAN
KOMPOSISI
MOD A: MOD PENYELIDIKAN**

CONTOH STRUKTUR DISERTASI KARYA KREATIF (KOMPOSISI)

Tajuk

Abstrak

Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang

Inspirasi dan Motivasi

Imaginasi Idea Komposisi

Permasalahan Pengkaryaan

Objektif Pengkaryaan

Persoalan Pengkaryaan

Bab 2: Sorotan Literatur dan Karya Kreatif

Sorotan Literatur

Sorotan Karya Kreatif (Komposisi)

*** Bab 3: Proses Kreatif Artistik**

Proses Kreatif Artistik (Kritis)

- Analisis Data/Idea Muzikal, Analogi/Symbolisasi Idea Muzikal, Teknik *Repetition/Augmentation/Diminution*, dll

Proses Kreatif Artistik (Intuitif)

- Eksplorasi & Refleksi Idea Muzikal, Improvisasi Idea Muzikal, Teknik *Aleatory/Happening/Impromptu*, dll

*** Bab 4: Konsep Komposisi**

Landasan Penciptaan

Kerangka Konsep Komposisi

Konseptualisasi Idea Penciptaan/Ideasi Konsep

Bab 5: Deskripsi Komposisi

Pembentukan/Penyusunan Komposisi

Program/Produksi Artistik

Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan

Rujukan

Lampiran

Skor Komposisi

*** Penyusunan Bab 3 dan Bab 4 adalah pilihan bagi pelajar mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan.**

SARJANA MUZIK PENGKHUSUSAN KOMPOSISI - SYARAT BERGRADUAT

TAHAP	STRUKTUR	PANEL PENILAI	KEPERLUAN	DURASI	DOKUMEN SOKONGAN	HAD PERKATAAN	BAB SPESIFIK	
I	Kertas Cadangan Kemasukan	Dua (2) orang penilai dalam	Penyerahan Kertas Cadangan Kemasukan	-	Kertas Cadangan Kemasukan (Komposisi)	Tidak kurang daripada 1500 patah perkataan	-	
			Penyerahan Portfolio	-	Portfolio (3 karya asli komposisi)	-		
II	Kertas Cadangan Karya Kreatif	Seorang penilai dalam	Penyerahan Kertas Cadangan Karya Kreatif	-	Kertas Cadangan Karya Kreatif (Komposisi)	Tidak kurang daripada 1500 patah perkataan	Pilihan 1: Bab 1, 2 dan 3 sahaja atau Pilihan 2: Bab 1, 2 dan 4 sahaja	
			Pembentangan Kertas Cadangan Karya Kreatif	15 - 20 minit				
			Sesi Soal Jawab	1 jam 30 minit				
III	Komposisi 1	Dua (2) orang penilai dalam	Penyerahan Disertasi Karya Kreatif Awalan	-	Disertasi Karya Kreatif Awalan (Komposisi)	Tidak kurang daripada 10000 patah perkataan	Bab 1 hingga 4	
			Resital Kuliah	Pembentangan Karya/ Persembahan				20 - 30 minit
				Pembentangan Disertasi Karya Kreatif Awalan (sekiranya ada)				10 - 15 minit
			Sesi Soal Jawab	1 jam 30 minit				
IV	Komposisi 2	Seorang penilai dalam dan dua (2) orang penilai luar	Penyerahan Disertasi	-	Disertasi Karya Kreatif (Komposisi)	15000 hingga 20000 patah perkataan	Semua Bab	
			Resital Kuliah	Pembentangan Karya/ Persembahan				30 - 40 minit
				Pembentangan Disertasi (sekiranya ada)				10 - 15 minit
			Viva	1 jam 30 minit				

Rajah 1 Gambaran Keseluruhan Program Sarjana Muzik Pengkhususan Komposisi

TAHAP I: KERTAS CADANGAN KEMASUKAN (KOMPOSISI)

Untuk memohon program ini, sila kemukakan satu kertas cadangan tidak kurang daripada 1,500 perkataan yang menerangkan minat untuk mengikuti program ini.

Kertas cadangan ini mengandungi sebuah rangka tentang pengenalan, sorotan literatur / persembahan, proses kreatif dan sekurang-kurangnya tajuk-tajuk bab individu pilihan berdasarkan topik komposisi.

Tahap ini akan dinilai oleh dua (2) orang penilai dalam.

Kertas Cadangan perlulah mempunyai isi kandungan seperti berikut:

1. **Tajuk cadangan**
2. **Tujuan mengambil Ijazah Sarjana Muzik dalam Komposisi**
 - Terangkan mengapa anda adalah calon sesuai untuk kursus ini dan apa yang anda harap sepanjang pengajian anda.
3. **Cadangan komposisi dan idea-idea**
 - Bincangkan tentang jenis-jenis komposisi yang anda ingin lakukan atau idea dan konsep dibalik karya yang bakal dihasilkan.
4. **Karya-karya terdahulu**
 - Perkongsian pengalaman anda yang berkaitan dengan komposisi, khususnya yang berkaitan dengan projek yang dicadangkan.
5. **Sorotan literatur/karya kreatif**
 - Senarai ringkas repertoir muzik sedia ada oleh komposer-komposer yang relevan ke dalam kertas cadangan anda atau inspirasi idea untuk komposisi anda. Anda juga boleh membincangkan konsep-konsep yang berkaitan dengan topik cadangan anda.
6. **Matlamat-matlamat komposisi**
 - Ringkasan kesemua matlamat yang anda ingin capai sebagai seorang komposer melalui program ini.

TAHAP II: KERTAS CADANGAN KARYA KREATIF (KOMPOSISI)

Kertas cadangan program Komposisi merujuk kepada struktur penulisan Disertasi Karya Kreatif (Komposisi) yang dihadkan pada pilihan seperti berikut:

- a. Bab 1, 2 dan 3 sahaja, atau;
- b. Bab 1, 2 dan 4 sahaja

Pilihan di atas adalah mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Komposisi).

Kertas Cadangan Karya Kreatif hendaklah ditulis tidak kurang daripada 1,500 perkataan. Kertas cadangan bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pemilihan calon dan proses pengesahan bidang atau skop penyelidikan dalam pengajian ijazah tinggi.

Pelajar perlu lulus Kertas Cadangan Karya Kreatif (Komposisi) terlebih dahulu sebelum Komposisi 1. **Tahap ini akan dinilai oleh seorang penilai dalam.**

TAHAP III: KOMPOSISI 1

Komposisi 1 adalah persembahan/pembentangan karya yang disusun dengan durasi 20 hingga 30 minit dalam bentuk **resital kuliah**, gabungan karya dan perbincangan ringkas mengenai topik yang berkaitan. Karya-karya tersebut boleh dipersembahkan secara langsung (pilihan) atau dalam bentuk rakaman.

Penulisan Disertasi Karya Kreatif (Komposisi) adalah dihadkan pada Bab 1 hingga 4 sahaja. Penyusunan Bab 3 dan 4 adalah mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Komposisi).

Tahap ini akan dinilai oleh dua (2) orang penilai dalam.

TAHAP IV: KOMPOSISI 2 (VIVA)

Komposisi 2 mengikuti format yang sama dengan Komposisi 1 tetapi dengan jangka masa 30 hingga 40 minit. Persembahan/pembentangan mungkin merangkumi muzik yang sama dari Komposisi 1 dengan mengintegrasikan komen dan maklum balas dari Komposisi 1, muzik diperluas atau dikembangkan dengan ketara dari Komposisi 1 atau komposisi yang sama sekali baharu.

Penulisan Disertasi Karya Kreatif (Komposisi) perlu dilengkapkan untuk semua bab. Penjelas tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Komposisi). **Tahap ini akan dinilai oleh seorang penilai dalam dan dua (2) orang penilai luar.**

DISERTASI KARYA KREATIF (KOMPOSISI)

Disertasi Karya Kreatif (DKK) berkaitan langsung dengan muzik yang diciptakan untuk tesis. Dokumen ini menerangkan penyelidikan berasaskan amali dalam penulisan akademik dan menjelaskan pemikiran, latar belakang, dan proses seorang komposer.

Bahagian yang harus disertakan dalam Disertasi Karya Kreatif:

- A. Tajuk
- B. Abstrak
- C. Penghargaan
- D. Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang
- E. Bab 2: Sorotan Literatur dan Karya Kreatif
- F. *Bab 3: Proses Kreatif Artistik
- G. *Bab 4: Konsep Komposisi
- H. Bab 5: Deskripsi Komposisi
- I. Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan
- J. Rujukan
- K. Skor Komposisi
- L. Lampiran

****Penyusunan Bab 3 dan Bab 4 adalah pilihan bagi pelajar mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan***

Tajuk

Tajuk dalam penyelidikan konvensional lebih tertumpu pada masalah subjek dan fokus minat kajian sama ada secara kualitatif atau kuantitatif. Biasanya tajuk digunakan sebagai parameter untuk menilai penulisan kajian secara keseluruhan. Di dalam penyelidikan berasaskan amali, tajuk kadangkala tidak dapat dijadikan parameter untuk menilai karya seni kreatif. Tajuk dalam penghasilan karya seni lebih bersifat imaginatif atau simbolik kepada konsep kreatif yang ingin diketengahkan. Tajuk pada peringkat awal pengajian (Kertas Cadangan Karya Kreatif dan Komposisi 1), lebih cenderung kepada pernyataan yang rasional atau konseptual memandangkan pengkarya belum menemui pernyataan yang sesuai untuk mewakili tajuk karya yang akan dihasilkan. Pada tahap terakhir pengajian (Komposisi 2 dan Viva), pelajar perlu mempunyai tajuk yang menjadi representasi simbolik terhadap karya seni kreatif yang mereka hasilkan.

Abstrak

Abstrak menggariskan pengenalan/latar belakang, objektif komposisi, sorotan literatur/karya kreatif, proses kreatif artistik, konsep komposisi serta ringkasan tentang hasil komposisi atau penemuan. (Tidak lebih daripada 300 patah perkataan).

Penghargaan

Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang

i. Inspirasi dan Motivasi

Bab pendahuluan harus menghuraikan latar belakang pengkaryaan calon, cetusan inspirasi dan motivasi penciptaan, dan bagaimana keaslian idea diperkembangkan dalam perspektif karya komposisi muzik. Topik-topik yang merangkumi inspirasi dan motivasi yang di dalamnya terkandung imaginasi tentang idea kreatif, proses dan konsep kreativiti komposisi perlu dinyatakan secara ringkas.

ii. Permasalahan Komposisi, Objektif Komposisi dan Persoalan Komposisi / Pernyataan-pernyataan lain

Permasalahan Komposisi dihuraikan bersesuaian dengan inspirasi dan motivasi penciptaan yang telah dinyatakan. Dorongan karya bermula daripada masalah-masalah tertentu yang berkaitan langsung dengan aspek kreativiti muzikal sehingga mendorong komposer untuk menghasilkan idea baharu. Oleh yang demikian, permasalahan pengkaryaan lebih merujuk kepada dorongan kreatif yang dialami oleh penyelidik selaku komposer dalam penyelidikan ini dan seterusnya diimplementasikan dalam bentuk komposisi muzik.

Objektif Komposisi merujuk kepada aspek amali penciptaan muzik yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini. Aspek amali tersebut perlu secara keseluruhan mewakili idea/konsep penciptaan yang ingin dilakukan. Ia merangkumi nilai-nilai estetik/ekstra-estetik yang berkaitan secara langsung dengan pengkaryaan yang dihasilkan.

Persoalan Komposisi boleh dinyatakan (jika perlu). Ia adalah soalan-soalan yang dihasilkan merujuk kepada objektif pengkaryaan.

Pernyataan-pernyataan lain boleh dihuraikan seperti pernyataan berkaitan kesignifikanan pengkaryaan dan skop pengkaryaan.

Bab 2: Sorotan Literatur dan Karya Kreatif

Sorotan literatur adalah tinjauan kritis ke atas bahan bercetak seperti artikel jurnal, buku, dan skor muzik. Sorotan karya kreatif adalah tinjauan kritis ke atas bahan karya kreatif seperti rakaman audio dan video yang berkaitan dengan idea/konsep pengkaryaan.

Bab 3: Proses Kreatif Artistik

Proses kreatif di dalam bidang seni adalah teknik/pendekatan/kaedah artistik yang bersifat *non-linear* dan berpotensi dalam menghasilkan karya seni yang kreatif dan inovatif. Secara spesifik, paradigma metodologi proses kreatif ini merujuk kepada nilai-nilai artistik sesebuah pengkaryaan/persembahan seni yang bersifat kritis sekaligus intuitif. Pengalaman artistik seorang pengkarya dalam berkarya dengan mediumnya merupakan landasan terhadap proses kreatif ini.

Oleh yang demikian, proses kreatif artistik bagi pengkaryaan/persembahan seni mungkin dihasilkan secara lateral dan akan selalu terjadi refleksi terhadap semua kaedah-kaedah yang dipilih sehingga karya tersebut berjaya disiapkan.

Bab 4: Konsep Komposisi

Konsep di dalam penyelidikan berasaskan amali adalah berbeza dengan konsep yang dihasilkan di dalam penyelidikan konvensional. Konsep penyelidikan berasaskan amali lebih mengarah kepada penghasilan pengetahuan amali berbanding pengetahuan teoritikal semata-mata. Dengan kata lain, ia lebih bersifat amali tetapi tetap mempunyai landasan teori yang jelas dan sesuai dengan inspirasi penciptaan. Konsep komposisi yang dicipta akan memperjelaskan keseluruhan idea komposisi muzik yang diimajinasikan atau yang masih di dalam proses bagi menjadi sebuah konseptual yang jelas secara kerangka mahupun keseluruhannya. Proses *dialectic* di antara istilah, makna dan fenomena komposisi muzik yang ingin dihasilkan akan sering berhubungan di antara satu sama lain sehinggalah pengkarya berjaya menemukan satu idea baharu daripada konsep komposisi muzik yang diwujudkan.

Bab 5: Deskripsi Komposisi

Bab ini menjelaskan tentang bagaimana pembentukan karya kreatif diterjemahkan dalam bentuk persembahan/pembentangan yang diinginkan. Susunan karya juga diuraikan beserta justifikasi tertentu yang menyokong kehendak artistik pengkarya. Jika perlu, aspek produksi artistik juga boleh digambarkan sesuai dengan proses kreatif artistik yang dilakukan.

Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan

Dalam bab ini pelajar harus membuat kesimpulan keseluruhan dan membuat refleksi daripada proses produk komposisi. Selain itu, segala kemungkinan berkenaan potensi dan impak daripada karya kreatif yang dihasilkan boleh dibincangkan sama ada dari sudut artistik, estetika, falsafah, sosio- budaya, ekonomi, politik dan lain-lain lagi. Pelajar perlu memberikan cadangan agar konsep yang dihasilkan dapat diaplikasikan pada karya komposisi yang akan datang dan penambahbaikan dalam konteks tertentu yang merepresentasikan inisiatif atau pendekatan-pendekatan baharu.

Rujukan

Penulisan rujukan menggunakan format gaya APA terkini.

Lampiran

Semua dokumen yang berkaitan dengan Disertasi Karya Kreatif seperti skor analisis, pautan dalam talian rakaman komposisi, CD rakaman komposisi, gambar-gambar dan dokumen lain yang relevan.

Skor Komposisi (jilid berasingan)

KARYA KREATIF (KOMPOSISI)

Karya Kreatif (KK) Komposisi berkaitan langsung dengan karya komposisi muzik yang diciptakan oleh calon dalam program ini. Karya Kreatif (Komposisi) dinilai berdasarkan empat (4) kualiti di bawah iaitu:

- a. **Kreativiti:** Merangkumi idea penciptaan muzik yang mempunyai nilai kebaruan iaitu kemampuan untuk mengolah unsur-unsur yang sudah ada sehingga melahirkan idiom muzik baharu serta mampu menonjolkan daya imaginasi muzikal yang menarik dan mengagumkan sesuai dengan konsep komposisi yang diinginkan.
- b. **Keaslian Idea Komposisi:** Menunjukkan ciri autentik komposisi muzik yang berasal dari idea asli komposer sesuai dengan konsep komposisi yang diinginkan.
- c. **Teknik Komposisi:** Menampilkan kemahiran artistik komposisi yang menunjukkan tahap keahlian atau kepakaran yang dimiliki oleh komposer berdasarkan pengalaman artistik yang dibawa serta kesesuaian dengan konsep komposisi yang diinginkan.
- d. **Kaedah Penyampaian Komposisi:** Merangkumi cara penyampaian komposisi muzik yang bersesuaian dengan konsep persembahan yang diinginkan serta menampilkan keseimbangan dan kejelasan kualiti bunyi (*auditory*).

**GARIS PANDUAN BAGI PROGRAM SARJANA MUZIK PENGKHUSUSAN
PERSEMBAHAN
MOD A: MOD PENYELIDIKAN**

CONTOH STRUKTUR DISERTASI KARYA KREATIF (PERSEMBAHAN)

Tajuk

Abstrak

Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang

Inspirasi dan Motivasi

Imaginasi Idea Persembahan

Permasalahan Persembahan

Objektif Persembahan

Persoalan Persembahan

Bab 2: Kajian Literatur dan Karya Kreatif

Sorotan Literatur

Sorotan Karya Kreatif (Persembahan)

*** Bab 3: Proses Kreatif Artistik**

Proses Kreatif Artistik (Kritis)

- Analisis Data/Idea Persembahan, Interpretasi/Ekspresi Idea Persembahan, Teknik Imitasi/Artikulasi/Dinamik, dll

Proses Kreatif Artistik (Intuitif)

- Eksplorasi & Refleksi Idea Persembahan, Improvisasi Idea Persembahan, Teknik Penjiwaan/*Adlib/Impromptu*, dll

*** Bab 4: Konsep Persembahan**

Landasan Persembahan

Kerangka Konsep Persembahan

Konseptualisasi Idea Persembahan/Ideasi Konsep

*** Bab 5: Deskripsi Persembahan**

Pembentukan/Penyusunan Persembahan

Program/Produksi Artistik

Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan

Rujukan

Lampiran

Skor Muzik

****Penyusunan Bab 3, Bab 4 dan Bab 5 adalah pilihan bagi pelajar mengikut kesesuaian proses persembahan yang dilakukan***

SARJANA MUZIK PENGKHUSUSAN PERSEMBAHAN - SYARAT BERGRADUAT

TAHAP	STRUKTUR	PANEL PENILAI	KEPERLUAN	DURASI	DOKUMEN SOKONGAN	HAD PERKATAAN	BAB SPESIFIK	
I	Kertas Cadangan Kemasukan	Dua (2) orang penilai dalam	Penyerahan Kertas Cadangan Kemasukan	-	Kertas Cadangan Kemasukan (Persembahan)	Tidak kurang daripada 1500 patah perkataan	-	
			Uji Bakat Persembahan Alat Muzik Utama / Penyerahan Video Rakaman Persembahan	-	3 Karya Persembahan	-		
II	Kertas Cadangan Karya Kreatif	Seorang penilai dalam	Penyerahan Kertas Cadangan Karya Kreatif	-	Kertas Cadangan Karya Kreatif (Persembahan)	Tidak kurang daripada 1500 patah perkataan	Pilihan 1: Bab 1, 2 dan 3 sahaja atau Pilihan 2: Bab 1, 2 dan 4 sahaja atau Pilihan 3: Bab 1, 2 dan 5 sahaja	
			Pembentangan Kertas Cadangan Karya Kreatif	15 - 20 minit				
			Sesi Soal Jawab	1 jam 30 minit				
III	Resital 1	Dua (2) orang penilai dalam	Penyerahan Disertasi Karya Kreatif Awalan	-	Disertasi Karya Kreatif Awalan (Persembahan)	Tidak kurang daripada 10000 patah perkataan	Pilihan 1: Bab 1, 2, 3 dan 4 sahaja atau Pilihan 2: Bab 1, 2, 3 dan 5 sahaja	
			Resital	Persembahan				30 - 40 minit
				Pembentangan Disertasi Karya Kreatif Awalan (sekiranya ada)				10 - 15 minit
			Sesi Soal Jawab	1 jam 30 minit				
IV	Resital 2	Seorang penilai dalam dan dua (2) orang penilai luar	Penyerahan Disertasi	-	Disertasi Karya Kreatif (Persembahan)	15000 hingga 20000 patah perkataan	Semua Bab	
			Resital	Persembahan				45 - 55 minit
				Pembentangan Disertasi (sekiranya ada)				10 - 15 minit
			Viva	1 jam 30 minit				

Rajah 1 Gambaran Keseluruhan Program Sarjana Muzik Pengkhususan Persembahan

TAHAP I: KERTAS CADANGAN KEMASUKAN (PERSEMBAHAN)

Untuk memohon program ini, sila kemukakan satu kertas cadangan tidak kurang daripada 1,500 perkataan yang menerangkan minat untuk mengikuti program ini.

Kertas cadangan ini mengandungi sebuah rangka tentang pengenalan, sorotan literature/persembahan, proses kreatif, dan sekurang-kurangnya tajuk-tajuk bab individu pilihan berdasarkan topik persembahan. **Tahap ini akan dinilai oleh dua (2) orang penilai dalam.**

Kertas Cadangan perlulah mempunyai isi kandungan seperti berikut:

- 1. Tajuk cadangan**
- 2. Tujuan mengambil Ijazah Sarjana Muzik Pengkhususan Persembahan**
 - Terangkan mengapa anda adalah calon sesuai untuk kursus ini dan apa yang anda harap sepanjang pengajian anda.
- 3. Cadangan repertoir dan idea-idea persembahan**
 - Bincangkan isu / persoalan persembahan, minat, idea dan konsep di sebalik karya yang bakal dihasilkan.
- 4. Karya-karya persembahan terdahulu**
 - Perkongsian pengalaman yang berkaitan dengan persembahan muzik, terutamanya yang berkaitan dengan karya yang telah dilakukan dalam jangka waktu lima (5) tahun ini.
- 5. Sorotan literatur/karya kreatif**
 - Sorotan persembahan bermaksud rakaman atau dokumentari (audio/video) yang berkaitan dengan repertoir persembahan, sorotan persembahan atau temu ramah ahli pengamal atau komposer tersohor yang berkaitan dengan karya anda. Anda juga boleh memasukkan kajian tentang konsep-konsep yang berkaitan dengan topik cadangan anda.
- 6. Matlamat-matlamat persembahan**
 - Sila ringkaskan kesemua matlamat yang anda ingin capai sebagai seorang ahli persembahan melalui program ini.

TAHAP II: KERTAS CADANGAN KARYA KREATIF (PERSEMBAHAN)

Kertas cadangan program Persembahan merujuk kepada struktur penulisan Disertasi Karya Kreatif (Persembahan) yang dihadkan pada pilihan seperti berikut:

- a. Bab 1, 2 dan 3 sahaja, atau;
- b. Bab 1, 2 dan 4 sahaja, atau;
- c. Bab 1, 2 dan 5 sahaja

Pilihan di atas adalah mengikut kesesuaian proses persembahan yang dilakukan. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Persembahan).

Kertas Cadangan Karya Kreatif hendaklah ditulis tidak kurang dari 1,500 perkataan. Kertas cadangan bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pemilihan calon dan proses pengesahan bidang atau skop penyelidikan dalam pengajian ijazah tinggi.

Pelajar perlu lulus Kertas Cadangan Karya Kreatif (Persembahan) terlebih dahulu sebelum Resital
1. Tahap ini akan dinilai oleh seorang penilai dalam.

TAHAP III: RESITAL 1

Recital 1 adalah persembahan resital awal berdurasi 30 hingga 40 minit, yang perlu merangkumi sekurang-kurangnya sebahagian (misalnya satu atau dua *movements*) karya utama yang dibincangkan dalam disertasi karya kreatif. Pemain boleh memperkenalkan dan membincangkan karya secara ringkas.

Penulisan Disertasi Karya Kreatif (Persembahan) adalah dihadkan pada pilihan seperti berikut:

- a. Bab 1, 2, 3 dan 4 sahaja, atau
- b. Bab 1, 2, 3 dan 5 sahaja

Penyusunan Bab 3, 4 dan 5 adalah mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Persembahan).
Tahap ini akan dinilai oleh dua (2) orang penilai dalam.

TAHAP IV: RESITAL 2 (VIVA)

Recital 2 adalah resital 45 hingga 60 minit yang dikembangkan dari Recital 1, menggabungkan komen dan maklum balas dari Recital 1. Resital perlu direkodkan untuk dimasukkan sebagai bahagian daripada Disertasi Karya Kreatif (lampiran).

Penulisan Disertasi Karya Kreatif (Persembahan) perlu dilengkapkan untuk semua bab. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Persembahan). **Tahap ini akan dinilai oleh seorang penilai dalam dan dua (2) orang penilai luar.**

DISERTASI KARYA KREATIF (PERSEMBAHAN)

Disertasi Karya Kreatif (DKK) berkaitan langsung dengan muzik yang diciptakan untuk tesis. Dokumen inilah yang menerangkan penyelidikan berasaskan amali dalam penulisan akademik dan menjelaskan pemikiran, latar belakang, dan proses seorang pelaku muzik.

Bahagian yang harus disertakan dalam Disertasi Karya Kreatif (Persembahan):

- A. Tajuk**
- B. Abstrak**
- C. Penghargaan**
- D. Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang**
- E. Bab 2: Sorotan Literatur dan Karya Kreatif**
- F. *Bab 3: Proses Kreatif Artistik**
- G. *Bab 4: Konsep Persembahan**
- H. *Bab 5: Deskripsi Persembahan**
- I. Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan**
- J. Rujukan**
- K. Lampiran**

****Penyusunan Bab 3, Bab 4 dan Bab 5 adalah pilihan bagi pelajar mengikut kesesuaian proses persembahan yang dilakukan***

Tajuk

Tajuk dalam penyelidikan konvensional lebih tertumpu pada masalah subjek dan fokus minat kajian sama ada secara kualitatif atau kuantitatif. Biasanya tajuk digunakan sebagai parameter untuk menilai penulisan kajian secara keseluruhan. Di dalam penyelidikan berasaskan amali, tajuk kadangkala tidak dapat dijadikan parameter untuk menilai karya seni persembahan. Tajuk dalam penghasilan karya persembahan lebih bersifat imaginatif atau simbolik kepada konsep persembahan yang ingin diketengahkan. Tajuk pada peringkat awal pengajian (Kertas Cadangan Karya Kreatif dan Resital 1), lebih cenderung kepada pernyataan yang rasional atau konseptual memandangkan pengkarya belum menemui pernyataan yang sesuai untuk mewakili tajuk karya yang akan dihasilkan. Pada tahap terakhir pengajian (Resital 2 dan Viva), pelajar perlu mempunyai tajuk yang menjadi representasi simbolik terhadap karya seni kreatif yang mereka hasilkan.

Abstrak

Abstrak menggariskan pengenalan/latar belakang, objektif persembahan, sorotan literatur/karya kreatif, proses kreatif artistik, konsep persembahan serta ringkasan tentang hasil persembahan atau penemuan. (Tidak lebih daripada 300 patah perkataan).

Penghargaan

Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang

ii. Inspirasi dan Motivasi

Bab pendahuluan harus menghuraikan latar belakang persembahan calon, cetusan inspirasi dan motivasi persembahan, dan bagaimana keaslian idea diperkembangkan dalam perspektif karya persembahan muzik. Topik-topik yang merangkumi inspirasi dan motivasi yang di dalamnya terkandung imaginasi tentang idea persembahan, proses dan konsep kreativiti persembahan perlu dinyatakan secara ringkas.

iii. Permasalahan Persembahan, Objektif Persembahan, Persoalan Persembahan / Pernyataan-pernyataan lain

Permasalahan Persembahan dihuraikan bersesuaian dengan inspirasi dan motivasi persembahan yang telah dinyatakan. Dorongan persembahan bermula daripada masalah-masalah tertentu yang berkaitan langsung dengan aspek kreativiti persembahan sehingga mendorong pelaku muzik untuk menghasilkan idea baharu. Oleh yang demikian, permasalahan persembahan lebih merujuk kepada dorongan kreatif yang dialami oleh penyelidik selaku pelaku muzik dalam penyelidikan ini dan seterusnya diimplementasikan dalam bentuk persembahan muzik.

Objektif Persembahan merujuk kepada aspek amali persembahan muzik yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini. Aspek amali tersebut perlu secara keseluruhan mewakili idea/konsep persembahan yang ingin dilakukan. Ia boleh merangkumi nilai-nilai tertentu (estetik/ekstra-estetik) yang berkaitan secara langsung dengan persembahan yang dihasilkan.

Persoalan Persembahan boleh dinyatakan (jika perlu). Ia adalah soalan-soalan yang dihasilkan merujuk kepada objektif persembahan.

Pernyataan-pernyataan lain yang turut boleh disampaikan (jika perlu) ialah berkaitan kesignifikanan persembahan atau skop persembahan.

Bab 2: Sorotan Literatur dan Karya Kreatif

Sorotan literatur adalah tinjauan kritis ke atas bahan bercetak seperti artikel jurnal, buku, dan skor muzik. Sorotan karya kreatif adalah tinjauan kritis ke atas bahan karya kreatif seperti rakaman audio dan video yang berkaitan dengan idea/konsep persembahan.

Bab 3: Proses Kreatif Artistik

Proses kreatif di dalam bidang seni adalah teknik/pendekatan/kaedah artistik yang bersifat *non-linear* dan berpotensi dalam menghasilkan persembahan yang kreatif dan inovatif. Secara spesifik, paradigma metodologi proses kreatif ini merujuk kepada nilai-nilai artistik sesebuah pengkaryaan/persembahan seni yang bersifat kritis sekaligus intuitif. Pengalaman artistik seorang pelaku muzik dalam bermain dengan mediumnya merupakan landasan terhadap proses kreatif ini.

Oleh yang demikian, proses kreatif artistik bagi pengkaryaan/persembahan seni mungkin dihasilkan secara lateral dan akan selalu terjadi refleksi terhadap semua kaedah-kaedah yang dipilih sehingga persembahan tersebut berjaya disiapkan.

Bab 4: Konsep Persembahan

Konsep di dalam penyelidikan berasaskan amali adalah berbeza dengan konsep yang dihasilkan di dalam penyelidikan konvensional. Konsep penyelidikan berasaskan amali lebih mengarah kepada penghasilan pengetahuan amali berbanding pengetahuan teoritikal semata-mata. Dengan kata lain, ia lebih bersifat amali tetapi tetap mempunyai landasan teori yang jelas dan sesuai dengan inspirasi persembahan. Konsep persembahan yang dicipta akan memperjelaskan keseluruhan idea persembahan muzik yang diimajinasikan atau yang masih di dalam proses bagi menjadi sebuah konseptual yang jelas secara kerangka mahupun keseluruhannya. Proses *dialectic* di antara istilah, makna dan fenomena persembahan muzik yang ingin dihasilkan akan sering berhubungan di antara satu sama lain sehinggalah pelaku muzik berjaya menemukan satu idea baharu daripada konsep persembahan yang diwujudkan.

Bab 5: Deskripsi Persembahan

Bab ini menjelaskan tentang bagaimana pembentukan karya kreatif diterjemahkan dalam bentuk persembahan/pembentangan yang diinginkan. Susunan persembahan juga diuraikan berserta justifikasi tertentu yang menyokong kehendak artistik pelaku muzik. Jika perlu, aspek produksi artistik juga boleh digambarkan sesuai dengan proses kreatif artistik yang dilakukan.

Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan

Dalam bab ini pelajar harus membuat kesimpulan keseluruhan dan membuat refleksi daripada proses produk persembahan. Selain itu, segala kemungkinan berkenaan potensi dan impak daripada karya persembahan yang dihasilkan boleh dibincangkan sama ada dari sudut artistik, estetika, falsafah, sosio-budaya, ekonomi, politik dan lain-lain lagi. Pelajar perlu memberikan cadangan agar konsep yang dihasilkan dapat diaplikasikan pada karya persembahan yang akan datang dan penambahbaikan dalam konteks tertentu yang merepresentasikan inisiatif atau pendekatan-pendekatan baharu.

Rujukan

Penulisan rujukan menggunakan format gaya APA terkini.

Lampiran

Semua dokumen yang berkaitan dengan Disertasi Karya Kreatif seperti skor analisis, pautan dalam talian rakaman persembahan, CD rakaman persembahan dan gambar-gambar dan dokumen lain yang relevan.

Skor Muzik (jilid berasingan)

KARYA KREATIF (PERSEMBAHAN)

Karya Kreatif (KK) Persembahan berkaitan langsung dengan karya persembahan muzik yang dipersembahkan oleh calon dalam program ini. Karya Kreatif (Persembahan) dinilai berdasarkan lima (5) kualiti di bawah iaitu:

- a. **Interpretasi:** Menampilkan pemahaman muzikal melalui gaya atau idiom tertentu yang disampaikan di dalam persembahan.
- b. **Ekspresi:** Menonjolkan ekspresi muzikal, interaksi muzikal, bakat pertunjukan dan daya improvisasi yang bersesuaian dengan konsep persembahan.
- c. **Teknik/Akurasi:** Merangkumi kualiti dan ketepatan ton, intonasi, artikulasi dan diksi.
- d. **Masa:** Menunjukkan kualiti tertentu terhadap pilihan dan kawalan tempo, *pulse* dan irama.
- e. **Kaedah Penyampaian Persembahan:** Merangkumi cara penyampaian persembahan muzik yang bersesuaian dengan konsep persembahan yang diinginkan serta menampilkan keseimbangan dan kejelasan kualiti bunyi (auditory).

**GARIS PANDUAN BAGI SARJANA MUZIK PENGKHUSUSAN TEKNOLOGI
MUZIK KREATIF
MOD A: MOD PENYELIDIKAN**

CONTOH STRUKTUR DISERTASI KARYA KREATIF (TEKNOLOGI MUZIK KREATIF)

Tajuk

Abstrak

Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang

Inspirasi dan Motivasi

Imaginasi Idea Karya Kreatif

Permasalahan Karya Kreatif

Objektif Karya Kreatif

Persoalan Karya Kreatif

Bab 2: Kajian Literatur dan Karya Kreatif

Kaian Literatur

Kajian Karya Kreatif

***Bab 3: Proses Kreatif Artistik**

Proses Kreatif Artistik (Kritis)

- Analisis Data/Idea Teknologi, Eksperimentasi Data/Idea Teknologi , Teknik *Sequence/Sampling/Algorithmic*, dll

Proses Kreatif Artistik (Intuitif)

- Analisis Kandungan/Idea Teknologi, Eksplorasi & Refleksi Idea Teknologi, Improvisasi Idea Teknologi, Teknik *Aleatory/Happening/Impromptu*, dll

***Bab 4: Konsep Karya Kreatif**

Landasan Penciptaan

Kerangka Konsep Karya Kreatif

Konseptualisasi Idea Karya Kreatif/Ideasi Konsep

Bab 5: Deskripsi Karya Kreatif

Pembentukan/Penyusunan Karya Kreatif

Program/Produksi Artistik

Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan

Rujukan

Lampiran

****Penyusunan Bab 3 dan Bab 4 adalah pilihan bagi pelajar mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan***

**SARJANA MUZIK PENGKHUSUSAN TEKNOLOGI MUZIK KREATIF
- SYARAT BERGRADUAT**

TAHAP	STRUKTUR	PANEL PENILAI	KEPERLUAN	DURASI	DOKUMEN SOKONGAN	HAD PERKATAAN	BAB SPESIFIK	
I	Kertas Cadangan Kemasukan	Dua (2) orang penilai dalam	Penyerahan Kertas Cadangan Kemasukan	-	Kertas Cadangan Kemasukan (Teknologi Muzik Kreatif)	Tidak kurang daripada 1500 patah perkataan	-	
			Penyerahan Portfolio	-	Portfolio (3 karya asli muzik teknologi)	-		
II	Kertas Cadangan Karya Kreatif	Seorang penilai dalam	Penyerahan Kertas Cadangan Karya Kreatif	-	Kertas Cadangan Karya Kreatif (Teknologi Muzik Kreatif)	Tidak kurang daripada 1500 patah perkataan	Pilihan 1: Bab 1, 2 dan 3 sahaja atau Pilihan 2: Bab 1, 2 dan 4 sahaja	
			Pembentangan Kertas Cadangan Karya Kreatif	15 - 20 minit				
			Sesi Soal Jawab	1 jam 30 minit				
III	Karya Kreatif 1	Dua (2) orang penilai dalam	Penyerahan Disertasi Karya Kreatif Awalan	-	Disertasi Karya Kreatif Awalan (Teknologi Muzik Kreatif)	Tidak kurang daripada 10000 patah perkataan	Bab 1 hingga 4	
			Resital Kuliah	Pembentangan Karya/ Persembahan				20-30 minit
				Pembentangan Disertasi Awalan (sekiranya ada)				10-15 minit
			Sesi Soal Jawab	1 jam 30 minit				
IV	Karya Kreatif 2	Seorang penilai dalam dan dua (2) orang penilai lu	Penyerahan Disertasi	-	Disertasi Karya Kreatif (Teknologi Muzik Kreatif)	15000 hingga 20000 patah perkataan	Semua Bab	
			Resital Kuliah	Pembentangan Karya/ Persembahan				30-40 minit
				Pembentangan Disertasi (sekiranya ada)				10-15 minit
			Viva	1 jam 30 minit				

Rajah 1 Gambaran Keseluruhan Program Sarjana Muzik Pengkhususan Teknologi Muzik Kreatif

TAHAP I: KERTAS CADANGAN KEMASUKAN (TEKNOLOGI MUZIK KREATIF)

Untuk memohon program ini, sila kemukakan satu kertas cadangan tidak kurang daripada 1,500 perkataan yang menerangkan minat untuk mengikuti program ini.

Kertas cadangan ini mengandungi sebuah rangka tentang pengenalan, sorotan literature/persembahan, proses kreatif, dan sekurang-kurangnya tajuk-tajuk bab individu pilihan berdasarkan topik teknologi muzik kreatif. **Tahap ini akan dinilai oleh dua (2) orang penilai dalam.**

Kertas Cadangan perlulah mempunyai isi kandungan seperti berikut:

1. **Tajuk cadangan**
2. **Tujuan mengambil Ijazah Sarjana Muzik dalam Teknologi Muzik Kreatif**
 - Terangkan mengapa anda adalah calon sesuai untuk kursus ini dan apa yang anda harap sepanjang pengajian anda.
3. **Cadangan karya kreatif dan idea-idea**
 - Bincangkan tentang jenis-jenis karya kreatif yang anda ingin lakukan atau idea dan konsep dibalik karya yang bakal dihasilkan.
4. **Karya-karya terdahulu**
 - Pengkongsian pengalaman anda yang berkaitan dengan karya kreatif, khususnya yang berkaitan dengan projek yang dicadangkan.
5. **Sorotan literatur/karya kreatif**
 - Senarai ringkas karya muzik teknologi sedia ada oleh pengkarya-pengkarya yang relevan ke dalam kertas cadangan anda atau inspirasi idea untuk karya kreatif anda. Anda juga boleh membincangkan konsep-konsep yang berkaitan dengan topik cadangan anda.
6. **Matlamat-matlamat karya kreatif**
 - Ringkasan kesemua matlamat yang anda ingin capai sebagai seorang pengkarya melalui program ini.

TAHAP II: KERTAS CADANGAN KARYA KREATIF (TEKNOLOGI MUZIK KREATIF)

Kertas cadangan program Komposisi merujuk kepada struktur penulisan Disertasi Karya Kreatif (Teknologi Muzik Kreatif) yang dihadkan pada pilihan seperti berikut:

- a. Bab 1, Bab 2 dan Bab 3 sahaja, atau;
- b. Bab 1, Bab 2 dan Bab 4 sahaja

Pilihan di atas adalah mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Teknologi Muzik Kreatif).

Kertas Cadangan Karya Kreatif hendaklah ditulis tidak kurang dari 1,500 perkataan. Kertas cadangan bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pemilihan calon dan proses pengesahan bidang atau skop penyelidikan dalam pengajian ijazah tinggi.

Pelajar perlu lulus Kertas Cadangan Karya Kreatif (Teknologi Muzik Kreatif) terlebih dahulu sebelum Karya Kreatif 1. **Tahap ini akan dinilai oleh seorang penilai dalam.**

TAHAP III: KARYA KREATIF 1

Karya Kreatif 1 adalah persembahan / pembentangan karya yang disusun dengan durasi 20 hingga 30 minit dalam bentuk **resital kuliah**, gabungan karya dan perbincangan ringkas mengenai topik yang berkaitan. Karya-karya tersebut boleh dipersembahkan secara langsung (pilihan) atau dalam bentuk rakaman.

Penulisan Disertasi Karya Kreatif (Teknologi Muzik Kreatif) adalah dihadkan pada Bab 1 hingga 4 sahaja. Penyusunan Bab 3 dan 4 adalah mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Komposisi). **Tahap ini akan dinilai oleh dua (2) orang penilai dalam.**

TAHAP IV: KARYA KREATIF 2 (VIVA)

Karya Kreatif 2 mengikuti format yang sama dengan Karya Kreatif 1 tetapi dengan jangka masa 30 hingga 40 menit. Persembahan / pembentangan mungkin merangkumi muzik yang sama dari Karya Kreatif 1 dengan mengintegrasikan komen dan maklum balas dari Karya Kreatif 1, karya muzik teknologi diperluas atau dikembangkan dengan ketara dari Karya Kreatif 1 atau karya yang sama sekali baru.

Penulisan Disertasi Karya Kreatif (Komposisi) perlu dilengkapkan untuk semua bab. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Komposisi). **Tahap ini akan dinilai oleh seorang penilai dalam dan dua (2) orang penilai luar.**

DISERTASI KARYA KREATIF (TEKNOLOGI MUZIK KREATIF)

Disertasi Karya Kreatif (DKK) berkaitan langsung dengan muzik yang diciptakan untuk tesis. Dokumen inilah yang menerangkan penyelidikan berasaskan amali dalam penulisan akademik dan menjelaskan pemikiran, latar belakang, dan proses seorang pengkarya.

Bahagian yang harus disertakan dalam Disertasi Karya Kreatif (Persembahan):

- A. Tajuk**
- B. Abstrak**
- C. Penghargaan**
- D. Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang**
- E. Bab 2: Sorotan Literatur dan Karya Kreatif**
- F. *Bab 3: Proses Kreatif Artistik**
- G. *Bab 4: Konsep Pengkaryaan**
- H. Bab 5: Deskripsi Pengkaryaan**
- I. Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan**
- J. Rujukan**
- K. Lampiran**

****Penyusunan Bab 3 dan Bab 4 adalah pilihan bagi pelajar mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan***

Tajuk

Tajuk dalam penyelidikan konvensional lebih tertumpu pada masalah subjek dan fokus minat kajian sama ada secara kualitatif atau kuantitatif. Biasanya tajuk digunakan sebagai parameter untuk menilai penulisan kajian secara keseluruhan. Di dalam penyelidikan berasaskan amali, tajuk kadangkala tidak dapat dijadikan parameter untuk menilai karya seni kreatif. Tajuk dalam penghasilan karya seni lebih bersifat imaginatif atau simbolik kepada konsep kreatif yang ingin diketengahkan. Tajuk pada peringkat awal pengajian (Kertas Cadangan Karya Kreatif dan Karya Kreatif 1), lebih cenderung kepada pernyataan yang rasional atau konseptual memandangkan pengkarya belum menemui pernyataan yang sesuai untuk mewakili tajuk karya yang akan dihasilkan. Pada tahap terakhir pengajian (Karya Kreatif 2 dan Viva), pelajar perlu mempunyai tajuk yang menjadi representasi simbolik terhadap karya seni kreatif yang mereka hasilkan.

Abstrak

Abstrak menggariskan pengenalan/latar belakang, objektif pengkaryaan, sorotan literatur/karya kreatif, proses kreatif artistik, konsep pengkaryaan serta ringkasan tentang hasil komposisi atau penemuan. (Tidak lebih daripada 300 patah perkataan).

Penghargaan

Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang

i. Inspirasi dan Motivasi

Bab pendahuluan harus menghuraikan latar belakang pengkaryaan calon, cetusan inspirasi dan motivasi penciptaan, dan bagaimana keaslian idea diperkembangkan dalam perspektif karya muzik teknologi. Topik-topik yang merangkumi inspirasi dan motivasi yang di dalamnya terkandung imaginasi tentang idea kreatif, proses dan konsep kreativiti muzik teknologi perlu dinyatakan secara ringkas.

ii. Permasalahan Pengkaryaan, Objektif Pengkaryaan dan Persoalan Pengkaryaan / Pernyataan-pernyataan lain

Permasalahan Pengkaryaan dihuraikan bersesuaian dengan inspirasi dan motivasi penciptaan yang telah dinyatakan. Dorongan karya bermula daripada masalah-masalah tertentu yang berkaitan langsung dengan aspek kreativiti muzik teknologi sehingga mendorong pengkarya untuk menghasilkan idea baharu. Oleh yang demikian, permasalahan pengkaryaan lebih merujuk kepada dorongan kreatif yang dialami oleh penyelidik selaku pengkarya dalam penyelidikan ini dan seterusnya diimplementasikan dalam bentuk karya kreatif muzik teknologi.

Objektif Pengkaryaan merujuk kepada aspek amali penciptaan teknologi muzik yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini. Aspek amali tersebut perlu secara keseluruhan mewakili idea/konsep pengkaryaan yang ingin dilakukan. Ia boleh merangkumi nilai-nilai tertentu (estetik/ekstra-estetik) yang berkaitan secara langsung dengan pengkaryaan yang dihasilkan.

Persoalan Pengkaryaan boleh dinyatakan (jika perlu). ia adalah soalan-soalan yang dihasilkan merujuk kepada objektif pengkaryaan. .

Pernyataan-pernyataan yang turut boleh disampaikan (jika perlu) ialah berkaitan signifikan karya atau batasan karya.

Bab 2: Sorotan Literatur dan Karya Kreatif

Sorotan literatur adalah tinjauan kritis ke atas bahan bercetak seperti artikel jurnal, buku, dan skor muzik. Sorotan karya kreatif adalah tinjauan kritis ke atas bahan karya kreatif seperti rakaman audio dan video yang berkaitan dengan idea/konsep pengkaryaan.

Bab 3: Proses Kreatif Artistik

Proses kreatif di dalam bidang seni adalah teknik/pendekatan/kaedah artistik yang bersifat *non-linear* dan berpotensi dalam menghasilkan karya seni yang kreatif dan inovatif. Secara spesifik, paradigma metodologi proses kreatif ini merujuk kepada nilai-nilai artistik sesebuah pengkaryaan/persembahan seni yang bersifat kritis sekaligus intuitif. Pengalaman artistik seorang pengkarya dalam berkarya dengan mediumnya merupakan landasan terhadap proses kreatif ini.

Oleh yang demikian, proses kreatif artistik bagi pengkaryaan/persembahan seni mungkin dihasilkan secara lateral dan akan selalu terjadi refleksi terhadap semua kaedah-kaedah yang dipilih sehingga karya tersebut berjaya disiapkan.

Bab 4: Konsep Pengkaryaan

Konsep di dalam penyelidikan berasaskan amali adalah berbeza dengan konsep yang dihasilkan di dalam penyelidikan konvensional. Konsep penyelidikan berasaskan amali lebih mengarah kepada penghasilan pengetahuan amali berbanding pengetahuan teoritikal semata-mata. Dengan kata lain, ia lebih bersifat amali tetapi tetap mempunyai landasan teori yang jelas dan sesuai dengan inspirasi penciptaan. Konsep pengkaryaan yang dicipta akan memperjelaskan keseluruhan idea muzik teknologi yang diimajinasikan atau yang masih di dalam proses penciptaan bagi menjadi sebuah konseptual yang jelas secara kerangka mahupun keseluruhannya. Proses *dialectic* di antara istilah, makna dan fenomena muzik teknologi yang ingin dihasilkan akan sering berhubungan di antara satu

sama lain sehinggalah pengkarya berjaya menemukan satu idea baharu daripada konsep karya kreatif yang diwujudkan.

Bab 5: Deskripsi Karya Kreatif

Bab ini menjelaskan tentang bagaimana pembentukan karya kreatif diterjemahkan dalam bentuk persembahan/pembentangan yang diinginkan. Susunan karya juga diuraikan beserta justifikasi tertentu yang menyokong kehendak artistik pengkarya. Jika perlu, aspek produksi artistik juga boleh digambarkan sesuai dengan proses kreatif artistik yang dilakukan.

Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan

Dalam bab ini pelajar harus membuat kesimpulan keseluruhan dan membuat refleksi daripada proses produk karya kreatif. Selain itu, segala kemungkinan berkenaan potensi dan impak daripada karya kreatif yang dihasilkan boleh dibincangkan sama ada dari sudut artistik, estetika, falsafah, sosio-budaya, ekonomi, politik dan lain-lain lagi. Pelajar perlu memberikan cadangan agar konsep yang dihasilkan dapat diaplikasikan pada karya kreatif yang akan datang dan penambahbaikan dalam konteks tertentu yang merepresentasikan inisiatif atau pendekatan-pendekatan baharu.

Rujukan

Penulisan rujukan menggunakan format gaya APA terkini.

Lampiran

Semua dokumen yang berkaitan dengan Disertasi Karya Kreatif seperti skor analisis, pautan dalam talian rakaman karya kreatif, CD rakaman karya kreatif dan gambar-gambar dan dokumen lain yang relevan.

KARYA KREATIF (TEKNOLOGI MUZIK KREATIF)

Karya Kreatif (KK) Teknologi Muzik Kreatif berkaitan langsung dengan karya muzik teknologi yang diciptakan oleh calon dalam program ini. Karya Kreatif (Teknologi Muzik Kreatif) dinilai berdasarkan enam (6) kualiti di bawah iaitu:

- a. **Keaslian Karya Kreatif:** Menunjukkan ciri keaslian yang berdasarkan idea teknologi muzik yang diinginkan.
- b. **Kebaharuan Aspek Teknologi I:** Menampilkan nilai kebaharuan pada karya teknologi muzik yang bersifat praktikal dan relevan.
- c. **Kebaharuan Aspek Teknologi II:** Mempamerkan nilai komersial pada karya teknologi muzik.
- d. **Proses Kreatif:** Menunjukkan aspek teknikal yang teliti dalam penghasilan karya teknologi muzik.
- e. **Kreativiti:** Menonjolkan idea baharu atau olahan idea yang sedia ada yang unik dalam penghasilan karya teknologi muzik.
- f. **Estetika:** Menampilkan aspek estetika (keindahan) yang bersesuaian dengan konsep karya kreatif yang diinginkan.

IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENGKHUSUSAN KOMPOSISI MUZIK

MOD A: MOD PENYELIDIKAN

CONTOH STRUKTUR DISERTASI KARYA KREATIF (KOMPOSISI)

Tajuk

Abstrak

Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang

Inspirasi dan Motivasi

Imaginasi Idea Komposisi

Permasalahan Pengkaryaan

Objektif Pengkaryaan

Persoalan Pengkaryaan

Bab 2: Sorotan Literatur dan Karya Kreatif

Sorotan Literatur

Sorotan Karya Kreatif (Komposisi)

* Bab 3: Proses Kreatif Artistik

Proses Kreatif Artistik (Kritis)

- Analisis Data/Idea Muzikal, Analogi/Symbolisasi Idea Muzikal, Teknik *Repetition/Augmentation/Diminution*, dll

Proses Kreatif Artistik (Intuitif)

- Eksplorasi & Refleksi Idea Muzikal, Improvisasi Idea Muzikal, Teknik *Aleatory/Happening/Impromptu*, dll

* Bab 4: Konsep Komposisi

Landasan Penciptaan

Kerangka Konsep Komposisi

Konseptualisasi Idea Penciptaan/Ideasi Konsep

Bab 5: Deskripsi Komposisi

Pembentukan/Penyusunan Komposisi

Program/Produksi Artistik

Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan

Rujukan

Lampiran

Skor Komposisi

* *Penyusunan Bab 3 dan Bab 4 adalah pilihan bagi pelajar mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan.*

PENGENALAN

Komposisi di dalam program ini bermaksud pengkaryaan atau penciptaan muzik yang merujuk kepada semua jenis konsep, idea atau gaya muzik tertentu sama ada yang sedia ada, kombinasi atau baharu. Secara falsafah, program ini menjadikan seniman dan karyanya sebagai subjek pengetahuannya dan semua idea/konsep/teori pengkaryaan yang dihasilkan adalah objek pengetahuannya. Dengan kata lain, komposer dan karya komposisi merupakan *subject matter* dan semua idea/konsep/teori komposisi yang ingin dihasilkan adalah *focus of interest* di dalam kajian ini. Oleh yang demikian, perspektif yang digunakan dalam kajian ini lebih mengutamakan perspektif penyelidik sebagai orang pertama dibandingkan perspektif penyelidik sebagai orang ketiga yang biasa digunakan dalam penyelidikan konvensional. Kajian berasaskan amali ini juga mengutamakan penerapan pemikiran kreatif dan kritikal yang bersumberkan daripada pengetahuan artistik.

SYARAT KEMASUKAN

1. Ijazah Sarjana daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris atau daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau
2. Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperolehi melalui pentauliahan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu (APEL) tertakluk kepada bidang-bidang yang tersenarai sahaja; atau
3. Kelayakan lain yang dinilai wajar serta diiktiraf oleh Senat.
4. Memenuhi syarat-syarat khas program yang ditetapkan oleh Fakulti yang berkenaan jika berkaitan.
5. Calon pelajar antarabangsa disyaratkan lulus TOEFL 550 atau IELTS 6.0 kecuali siswazah yang mengambil bidang pengajian Bahasa Melayu atau pengajian yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

SYARAT KEMASUKAN KHAS

Calon:

- a. perlu mempunyai Sarjana Muzik (Komposisi) atau bidang berkaitan;
- b. perlu menghantar sebuah **portfolio** yang mengandungi sekurang-kurangnya **tiga (3) karya asli komposisi** di dalam gaya tertentu atau pelbagai gaya muzik;
- c. perlu menghantar karya di dalam bentuk skor/audio/video atau apa-apa bentuk yang berkaitan dengan karya tersebut. Salah satu dari karya tersebut hendaklah ditulis dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh permohonan;
- d. diwajibkan menghantar Kertas Cadangan Kemasukan (Komposisi) tidak kurang daripada 1,500 patah perkataan

KEPERLUAN KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS CALON ANTARABANGSA

Bagi calon antarabangsa yang ingin mengikuti program melalui pengantar Bahasa Inggeris dikehendaki memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Institut Pengajian Siswazah, UPSI.

DOKTOR FALSAFAH PENGKHUSUSAN KOMPOSISI MUZIK - SYARAT BERGRADUAT

TAHAP	STRUKTUR	PANEL PENILAI	KEPERLUAN	DURASI	DOKUMEN SOKONGAN	HAD PERKATAAN	BAB SPESIFIK	
I	Kertas Cadangan Kemasukan	Dua (2) orang penilai dalam	Penyerahan Kertas Cadangan Kemasukan	-	Kertas Cadangan Kemasukan (Komposisi)	Tidak kurang daripada 1500 patah perkataan	-	
			Penyerahan Portfolio	-	Portfolio (3 karya asli komposisi)	-		
II	Kertas Cadangan Karya Kreatif	Seorang penilai dalam	Penyerahan Kertas Cadangan Karya Kreatif	-	Kertas Cadangan Karya Kreatif (Komposisi)	Tidak kurang daripada 2000 patah perkataan	Pilihan 1: Bab 1, 2 dan 3 sahaja atau Pilihan 2: Bab 1, 2 dan 4 sahaja	
			Pembentangan Kertas Cadangan Karya Kreatif	15 - 20 minit				
			Sesi Soal Jawab	1 jam 30 minit				
III	Komposisi 1	Dua (2) orang penilai dalam	Penyerahan Disertasi Karya Kreatif Awalan	-	Disertasi Karya Kreatif Awalan (Komposisi)	Tidak kurang daripada 15000 patah perkataan	Bab 1 hingga 4	
			Resital Kuliah	Pembentangan Karya/ Persembahan				30 - 45 minit
				Pembentangan Disertasi Karya Kreatif Awalan (sekiranya ada)				10 - 15 minit
			Sesi Soal Jawab	1 jam 30 minit				
IV	Komposisi 2	Seorang penilai dalam dan dua (2) orang penilai luar	Penyerahan Disertasi	-	Disertasi Karya Kreatif (Komposisi)	20000 hingga 40000 patah perkataan	Semua Bab	
			Resital Kuliah	Pembentangan Karya/ Persembahan				60 - 90 minit
				Pembentangan Disertasi (sekiranya ada)				10 - 15 minit
			Viva	1 jam 30 minit				

Rajah 1 Gambaran Keseluruhan Program Doktor Falsafah Pengkhususan Komposisi Muzik

TAHAP I: KERTAS CADANGAN KEMASUKAN (KOMPOSISI)

Untuk memohon program ini, sila kemukakan satu kertas cadangan tidak lebih daripada 1,500 perkataan yang menerangkan minat untuk mengikuti program ini.

Kertas cadangan ini mengandungi sebuah rangka tentang pengenalan, sorotan literature/persembahan, proses kreatif, dan sekurang-kurangnya tajuk-tajuk bab individu pilihan berdasarkan topik komposisi. **Tahap ini akan dinilai oleh dua (2) orang penilai dalam.**

Kertas Cadangan perlulah mempunyai isi kandungan seperti berikut:

- 1. Tajuk cadangan**
- 2. Tujuan mengambil Doktor Falsafah Pengkhususan Komposisi**
 - Terangkan mengapa anda adalah calon sesuai untuk kursus ini dan apa yang anda harap sepanjang pengajian anda.
- 3. Cadangan komposisi dan idea-idea**
 - Bincangkan tentang jenis-jenis komposisi yang anda ingin lakukan atau idea dan konsep di sebalik karya yang bakal dihasilkan.
- 4. Karya-karya terdahulu**
 - Pengkongsian pengalaman anda yang berkaitan dengan komposisi, khususnya yang berkaitan dengan projek yang dicadangkan.
- 5. Sorotan literatur/karya kreatif**
 - Senarai ringkas repertoir muzik sedia ada oleh komposer-komposer yang relevan ke dalam kertas cadangan anda atau inspirasi idea untuk komposisi anda. Anda juga boleh membincangkan konsep-konsep yang berkaitan dengan topik cadangan anda.
- 6. Matlamat-matlamat komposisi**
 - Ringkasan kesemua matlamat yang anda ingin capai sebagai seorang komposer melalui program ini.

TAHAP II: KERTAS CADANGAN KARYA KREATIF (KOMPOSISI)

Kertas cadangan program Komposisi merujuk kepada struktur penulisan Disertasi Karya Kreatif (Komposisi) yang dihadkan pada pilihan seperti berikut:

- a. Bab 1, 2 dan 3 sahaja, atau;
- b. Bab 1, 2 dan 4 sahaja

Pilihan di atas adalah mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Komposisi).

Kertas Cadangan Karya Kreatif hendaklah ditulis tidak kurang daripada 2,000 perkataan. Kertas cadangan bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pemilihan calon dan proses pengesahan bidang atau skop penyelidikan dalam pengajian ijazah tinggi.

Pelajar perlu lulus Kertas Cadangan Karya Kreatif (Komposisi) terlebih dahulu sebelum Komposisi 1. **Tahap ini akan dinilai oleh seorang penilai dalam.**

TAHAP III: KOMPOSISI 1

Komposisi 1 adalah persembahan/pembentangan karya yang disusun dengan durasi 30 hingga 45 menit dalam bentuk **resital kuliah**, gabungan karya dan perbincangan ringkas mengenai topik yang berkaitan. Karya-karya tersebut boleh dipersembahkan secara langsung (pilihan) atau dalam bentuk rakaman.

Penulisan Disertasi Karya Kreatif (Komposisi) adalah dihadkan pada Bab 1 hingga 4 sahaja. Penyusunan Bab 3 dan 4 adalah mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Komposisi). **Tahap ini akan dinilai oleh dua (2) orang penilai dalam.**

TAHAP IV: KOMPOSISI 2 (VIVA)

Komposisi 2 mengikuti format yang sama dengan Komposisi 1 tetapi dengan jangka masa 60 hingga 90 minut. Persembahan/pembentangan mungkin merangkumi muzik yang sama dari Komposisi 1 dengan mengintegrasikan komen dan maklum balas dari Komposisi 1, muzik diperluas atau dikembangkan dengan ketara dari Komposisi 1 atau komposisi yang sama sekali baharu.

Penulisan Disertasi Karya Kreatif (Komposisi) perlu dilengkapkan untuk semua bab. Penjelasan tentang format penulisan boleh dirujuk terus pada Disertasi Karya Kreatif (Komposisi). **Tahap ini akan dinilai oleh seorang penilai dalam dan dua (2) orang penilai luar.**

DISERTASI KARYA KREATIF (KOMPOSISI)

Disertasi Karya Kreatif (DKK) berkaitan langsung dengan muzik yang diciptakan untuk tesis. Dokumen ini menerangkan penyelidikan berasaskan amali dalam penulisan akademik dan menjelaskan pemikiran, latar belakang, dan proses seorang komposer.

Bahagian yang harus disertakan dalam Disertasi Karya Kreatif:

- A. Tajuk
- B. Abstrak
- C. Penghargaan
- D. Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang
- E. Bab 2: Sorotan Literatur dan Karya Kreatif
- F. *Bab 3: Proses Kreatif Artistik
- G. *Bab 4: Konsep Komposisi
- H. Bab 5: Deskripsi Komposisi
- I. Bab 6: Kesimpulan, Refleksi dan Cadangan
- J. Rujukan
- K. Skor Komposisi
- L. Lampiran

****Penyusunan Bab 3 dan Bab 4 adalah pilihan bagi pelajar mengikut kesesuaian proses pengkaryaan yang dilakukan***

Tajuk

Tajuk dalam penyelidikan konvensional lebih tertumpu pada masalah subjek dan fokus minat kajian sama ada secara kualitatif atau kuantitatif. Biasanya tajuk digunakan sebagai parameter untuk menilai penulisan kajian secara keseluruhan. Di dalam penyelidikan berasaskan amali, tajuk kadangkala tidak dapat dijadikan parameter untuk menilai karya seni kreatif. Tajuk dalam penghasilan karya seni lebih bersifat imaginatif atau simbolik kepada konsep kreatif yang ingin diketengahkan. Tajuk pada peringkat awal pengajian (Kertas Cadangan Karya Kreatif dan Komposisi 1), lebih cenderung kepada pernyataan yang rasional atau konseptual memandangkan pengkarya belum menemui pernyataan yang sesuai untuk mewakili tajuk karya yang akan dihasilkan. Pada tahap

terakhir pengajian (Komposisi 2 dan Viva), pelajar perlu mempunyai tajuk yang menjadi representasi simbolik terhadap karya seni kreatif yang mereka hasilkan.

Abstrak

Abstrak menggariskan pengenalan/latar belakang, objektif komposisi, sorotan literatur/karya kreatif, proses kreatif artistik, konsep komposisi serta ringkasan tentang hasil komposisi atau penemuan. (Tidak lebih daripada 300 patah perkataan).

Penghargaan

Bab 1: Pengenalan dan Latar Belakang

i. Inspirasi dan Motivasi

Bab pendahuluan harus menghuraikan latar belakang pengkaryaan calon, cetusan inspirasi dan motivasi penciptaan, dan bagaimana keaslian idea diperkembangkan dalam perspektif karya komposisi muzik. Topik-topik yang merangkumi inspirasi dan motivasi yang di dalamnya terkandung imaginasi tentang idea kreatif, proses dan konsep kreativiti komposisi perlu dinyatakan secara ringkas.

ii. Permasalahan Komposisi, Objektif Komposisi dan Persoalan Komposisi / Pernyataan-pernyataan lain

Permasalahan Komposisi diuraikan bersesuaian dengan inspirasi dan motivasi penciptaan yang telah dinyatakan. Dorongan karya bermula daripada masalah-masalah tertentu yang berkaitan langsung dengan aspek kreativiti muzikal sehingga mendorong komposer untuk menghasilkan idea baharu. Oleh yang demikian, permasalahan pengkaryaan lebih merujuk kepada dorongan kreatif yang dialami oleh penyelidik selaku komposer dalam penyelidikan ini dan seterusnya diimplementasikan dalam bentuk komposisi muzik.

Objektif Komposisi merujuk kepada aspek amali penciptaan muzik yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini. Aspek amali tersebut perlu secara keseluruhan mewakili idea/konsep penciptaan yang ingin dilakukan. Ia merangkumi nilai-nilai estetik/ekstra-estetik yang berkaitan secara langsung dengan pengkaryaan yang dihasilkan.

Persoalan Komposisi boleh dinyatakan (jika perlu). Ia adalah soalan-soalan yang dihasilkan merujuk kepada objektif pengkaryaan.

